# Polisi Kawalan Pertukaran Asing

Secara keseluruhan, peraturan kawalan pertukaran asing adalah untuk memastikan penyediaan maklumat yang secukupnya bagi penyelesaian pembayaran dan penerimaan sebagai sebahagian daripada cara untuk memantau pengaliran modal. Keperluan untuk memperoleh kebenaran untuk pengaliran masuk dan keluar dana dalam jumlah yang besar adalah untuk memastikan kestabilan kewangan. Peraturan-peraturan tersebut telah dilaksanakan secara telus dan pragmatik. Kesemua peraturan dilaksanakan secara seragam untuk transaksi dengan semua negara kecuali Israel, Serbia dan Montenegro di mana sekatan khas dikenakan. Peraturan kawalan pertukaran asing juga dikenakan mengikut kesesuaian untuk mengelakkan pembiayaan kewangan oleh pengganas melalui sistem perbankan Malaysia.

Sejajar dengan dasar untuk meliberalisasi sektor kewangan secara beransur-ansur dan progresif, Malaysia meneruskan liberalisasi peraturan-peraturan kawalan pertukaran asing. Sehubungan itu, perubahan-perubahan seterusnya telah dibuat pada tahun 2002 dan awal tahun 2003 bagi meningkatkan efisiensi operasi perniagaan di Malaysia. Langkah-langkah yang diambil termasuk –

(i) Meningkatkan jumlah agregat kemudahan kredit tempatan yang boleh diberikan oleh pemastautin kepada syarikat yang dikuasai oleh bukan pemastautin (NRCC) kepada RM50 juta daripada RM10 juta dan memansuhkan keperluan untuk memperoleh sekurang-kurangnya 50% jumlah keseluruhan kemudahan kredit tempatan daripada institusi-institusi perbankan yang dimiliki oleh warganegara Malaysia.

(ii) Membenarkan bukan pemastautin untuk memperoleh –

  (a) Kemudahan kredit dalam mata wang ringgit sehingga RM5 juta untuk membiayai projek yang dijalankan di Malaysia;

  (b) Kemudahan overdraf sehingga jumlah agregat RM500,000 yang dilindungi sepenuhnya dengan deposit tetap yang disimpan oleh pelanggan bukan pemastautin dengan bank pemberi pinjaman; dan

  (c) Pinjaman dalam mata wang ringgit untuk membiayai semula pinjaman yang diperoleh untuk membeli hartanah di Malaysia.

(iii) Liberalisasi pembayaran untuk aset ringgit di antara pemastautin dan bukan pemastautin dan antara bukan pemastautin boleh dibuat di dalam mata wang ringgit atau mata wang asing. Sebelum liberalisasi ini, pembayaran-pembayaran tersebut hanya dibenarkan di dalam mata wang ringgit sahaja.

(iv) Meningkatkan had maksima dalam akaun mata wang asing kepunyaan pengeksport bagi menyimpan perolehan eksport daripada AS$10 juta kepada AS$70 juta.

(v) Membenarkan pemastautin mengikat kontrak tukaran hadapan dengan peniaga mata wang asing yang diberi kuasa untuk menjual penerimaan dalam mata wang asing kepada ringgit bagi sebarang tujuan. Sebelum 1 April 2003, hanya dibenarkan untuk perolehan eksport dan penerimaan pembayaran perkhidmatan sahaja (tidak termasuk penerimaan faedah).

(vi) Memansuhkan had RM10,000 bersamaan dalam mata wang asing untuk pelaburan ke luar negara oleh pemastautin di bawah Skim Opsyen/Pembelian Saham Pekerja.

(vii) Memansuhkan keperluan untuk melengkapkan Borang KPW X untuk pengeksportan melebihi RM100,000 f.o.b.

(viii) Meningkatkan had bagi melengkapkan Borang P untuk pembayaran kepada RM50,001 daripada RM10,001.

Dengan peraturan-peraturan terbaru ini, berikut adalah peraturan kawalan pertukaran asing yang utama:

## I Transaksi Akaun Semasa

## (a) Pembayaran untuk Pengimportan Barangan dan Perkhidmatan

- Tidak ada sekatan ke atas pembayaran kepada bukan pemastautin untuk pengimportan barangan dan perkhidmatan. Pembayaran sedemikian mestilah dibuat di dalam mata wang asing kecuali mata wang Israel, Serbia dan Montenegro.

- Pemastautin boleh mengikat kontrak tukaran hadapan untuk membeli mata wang asing dengan ringgit bagi membuat pembayaran import dari bukan pemastautin tertakluk kepada tempoh kontrak hadapan tersebut tidak melebihi 12 bulan selepas tarikh import yang dijangkakan.

## (b) Perolehan Eksport

- Semua perolehan eksport mestilah dibawa balik ke Malaysia mengikut jadual pembayaran seperti yang tercatat dalam kontrak jualan, di mana ianya tidak boleh melebihi enam bulan dari tarikh eksport.

- Perolehan eksport mestilah diterima dalam mata wang asing dan ditukar kepada ringgit atau disimpan dalam akaun mata wang asing yang dibenarkan dengan Bank-bank yang Dilantik (bank-bank perdagangan dan bank-bank Islam). Had jumlah keseluruhan semalaman adalah antara AS$1 juta dan AS$70 juta. Had yang lebih tinggi boleh dibenarkan berdasarkan kes-kes tertentu.

- Pemastautin dibenarkan mengikat kontrak tukaran hadapan untuk membeli ringgit dengan mata wang asing dari perolehan eksport, tertakluk kepada tempoh matang kontrak hadapan tersebut adalah tidak melebihi enam bulan selepas tarikh eksport yang dijangkakan.

- Untuk eksport melebihi RM100,000 f.o.b., pengeksport pemastautin dikehendaki menyerahkan laporan suku tahunan bagi melaporkan butir-butir eksport yang dijalankan. Selain itu, pengeksport pemastautin mestilah menyerahkan ringkasan laporan tahunannya tidak lewat daripada 30 hari selepas penutupan kewangan tahunan syarikatnya.

## (c) Import dan Eksport Mata Wang oleh Pengembara

- Pengimportan dan pengeksportan mata wang ringgit sehingga RM1,000 termasuk mata wang ringgit RM1,000 dan RM500 yang telah dinyahnilaikan dan pengeksportan mata wang asing sehingga nilai bersamaan RM10,000 oleh pemastautin adalah dibenarkan. Pengembara pemastautin perlu mendapatkan kebenaran daripada Pengawal Pertukaran Asing (Pengawal) dan mengisytiharkan di dalam Borang Perisytiharan Pengembara, apabila membawa mata wang dan/atau cek kembara seperti yang tersebut di bawah –

  - Membawa ke dalam atau ke luar Malaysia, mata wang ringgit melebihi RM1,000.

  - Membawa ke luar negara, mata wang asing termasuk cek kembara, melebihi nilai bersamaan RM10,000.

  Kebenaran boleh diberi dalam tempoh satu hari dari tarikh permohonan.

- Bukan pemastautin dibenarkan membawa masuk ke dalam negara mata wang asing dan/atau cek kembara, tanpa had. Pengisytiharan di dalam Kad Ketibaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen hanya diperlukan untuk amaun melebihi nilai bersamaan AS$2,500.

- Bukan pemastautin dikehendaki mendapatkan kebenaran sekiranya jumlah mata wang yang dibawa ke luar negara melebihi jumlah yang dibawa masuk ke dalam Malaysia, tertakluk kepada jumlah yang dibawa ke luar negara melebihi jumlah bersamaan AS$2,500.

- Bukan pemastautin dikehendaki mendapatkan kebenaran dan mengisytiharkan mata wang ringgit melebihi RM1,000 yang dibawa ke dalam atau ke luar Malaysia.

# II Transaksi Akaun Modal

## (a) Pelaburan Langsung Asing

- Pelabur-pelabur langsung asing adalah bebas untuk menghantar pulang pelaburan mereka, termasuk modal, keuntungan, dividen dan faedah.

## (b) Pelaburan Luar Negara oleh Pemastautin

- Pemastautin, selain daripada bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar yang diluluskan, dikehendaki memperoleh kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal bagi menghantar dana yang melebihi nilai bersamaan RM10,000 untuk tujuan pelaburan di luar negara. Pertimbangan ke atas permohonan akan diberi berdasarkan kriteria yang telus.

- Pemastautin individu dibenarkan melabur tanpa mengira jumlah dalam mata wang asing untuk sekuriti di bawah Skim Opsyen/Pembelian Saham Pekerja yang ditawarkan oleh syarikat induk majikannya atau syarikat berkaitan di luar negara. Ini tertakluk kepada pelaburan tersebut didaftarkan dengan Pengawal sekurang-kurangnya 7 hari sebelum pengiriman dana ke luar negara dibuat.

- Bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar yang diluluskan boleh membuat pelaburan di luar negara selagi mereka mematuhi Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan had bersih kedudukan terbuka mata wang asing yang dibenarkan. Penghantaran dana untuk pelaburan luar negara mestilah dibuat dalam mata wang asing.

## (c) Kemudahan Kredit dalam Mata Wang Asing

- Pemastautin dibenarkan memperoleh kemudahan kredit dalam mata wang asing sehingga jumlah agregat bersamaan RM5 juta daripada bank berlesen, bank saudagar berlesen dan bukan pemastautin. Sebarang pinjaman yang melebihi had tersebut perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal. Sekiranya jumlah agregat melebihi bersamaan RM1 juta, pemastautin perlu memberi maklumat mengenai kemudahan kredit berkenaan kepada Pengawal.

- Tidak ada sekatan untuk pembayaran balik kemudahan kredit yang diperoleh daripada bukan pemastautin selagi kemudahan kredit tersebut diperoleh selaras dengan peraturan kawalan pertukaran asing yang berkaitan.

## (d) Kemudahan Kredit dalam Ringgit daripada Bukan Pemastautin

- Pemastautin tidak dibenarkan memperoleh kemudahan kredit dalam mata wang ringgit daripada bukan pemastautin tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal.

## (e) Kemudahan Kredit kepada Bukan Pemastautin Kemudahan Kredit dalam Mata Wang Asing

- Bank-bank perdagangan adalah bebas untuk memberi kemudahan kredit dalam mata wang asing kepada bukan pemastautin untuk sebarang tujuan. Walau bagaimanapun, kemudahan kredit untuk membiayai pembelian atau pembangunan hartanah di Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang sama untuk kemudahan kredit dalam mata wang ringgit seperti di bawah.

### Kemudahan Kredit dalam Ringgit

- Pemastautin bukan bank dibenarkan untuk memberi kemudahan kredit dalam mata wang ringgit kepada bukan pemastautin tidak melebihi jumlah agregat RM10,000.

- Syarikat-syarikat broker saham pemastautin dibenarkan untuk memberi kemudahan pembiayaan margin kepada pelanggan-pelanggan bukan pemastautin untuk pembelian saham-saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), dengan syarat mereka mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh BSKL.

- Bank-bank perdagangan dan bank-bank Islam dibenarkan memberi kemudahan overdraf dalam mata wang ringgit secara "*intra-day*" tidak melebihi jumlah agregat RM200 juta dan had semalaman tidak melebihi jumlah agregat RM10 juta kepada syarikat broker saham bukan pemastautin dan bank kustodian bukan pemastautin. Kemudahan ini adalah hanya untuk membiayai jurang pendanaan untuk pembelian sekuriti di BSKL yang disebabkan oleh kesilapan teknikal atau yang tidak dijangkakan/dielakkan, atau kelewatan kerana zon masa yang berlainan.

- Syarikat-syarikat insurans pemastautin dibenarkan untuk memberi pinjaman polisi dalam mata wang ringgit tidak melebihi nilai serahan tunai polisi pada setiap masa kepada pemegang-pemegang polisi bukan pemastautin mereka untuk suatu jangka masa yang tidak melebihi tempoh polisi tersebut.

- Institusi kewangan dibenarkan memberi sehingga tiga kemudahan kredit hartanah kepada bukan pemastautin untuk pembiayaan/pembiayaan semula pembelian atau pembinaan hartanah di Malaysia (tidak termasuk pembelian tanah sahaja), tertakluk kepada panduan penilaian kredit dalaman. Semua pembelian hartanah adalah tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing. Maklumat lanjut mengenai garis panduan tersebut boleh diperoleh di http://www.epu.jpm.my/.

- Syarikat-syarikat pemastautin dibenarkan untuk memberi kemudahan kredit kepada kakitangan bukan pemastautin tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan untuk membiayai pembelian atau pembinaan hartanah di Malaysia (kecuali yang melibatkan pembelian tanah sahaja). Kemudahan kredit tersebut adalah termasuk sebagai salah satu daripada tiga pinjaman untuk membiayai pembelian atau pembangunan hartanah yang dibenarkan diperoleh oleh bukan pemastautin daripada institusi-institusi kewangan.

- Institusi perbankan dibenarkan memberi pinjaman dalam mata wang ringgit sehingga jumlah agregat RM200,000 kepada bukan pemastautin bagi sebarang tujuan selain daripada pembiayaan pembelian atau pembangunan hartanah di Malaysia.

  Kemudahan kredit di atas adalah sebagai tambahan kepada kemudahan kredit yang dibenarkan untuk pembelian sebuah kenderaan untuk kegunaan sendiri dan kemudahan kredit untuk perolehan dan pembangunan tidak melebihi tiga hartanah di Malaysia. Kebenaran perlu diperoleh terlebih dahulu daripada Pengawal bagi pemberian kemudahan kredit yang melebihi had di atas.

- Institusi perbankan dibenarkan memberi kemudahan kredit dalam mata wang ringgit sehingga jumlah agregat RM5 juta kepada bukan pemastautin bagi pembiayaan projek yang dijalankan di Malaysia. Projek tersebut boleh dijalankan oleh bukan pemastautin secara individu atau secara bersama dengan pemastautin dan/atau bukan pemastautin. Jumlah keseluruhan kemudahan kredit tersebut tidak boleh melebihi nilai kontrak untuk projek yang dijalankan oleh bukan pemastautin tersebut.

- Selain itu, institusi perbankan dibenarkan memberi kemudahan overdraf kepada bukan pemastautin dengan jumlah agregat tidak melebihi RM500,000 tertakluk kepada syarat jumlah itu dilindungi sepenuhnya dengan deposit tetap yang disimpan oleh pelanggan bukan pemastautin dengan institusi perbankan yang memberi pinjaman.

### Swap/Kontrak Tukaran Hadapan dalam Ringgit

- Peniaga mata wang asing yang diberi kuasa adalah bebas untuk –

  (i) Mengikat kontrak swap mata wang asing jangka pendek dengan broker saham bukan pemastautin dan bank kustodian bukan pemastautin untuk pembayaran pembelian saham di BSKL; dan

  (ii) Mengikat kontrak jualan ringgit tukaran hadapan sehala dengan bukan pemastautin untuk tujuan yang sama.

  Kebenaran adalah tertakluk kepada syarat bahawa kontrak tersebut mestilah berdasarkan komitmen yang sah untuk membeli saham dan bukan berdasarkan jangkaan pembelian. Tempoh kontrak yang dibenarkan adalah sehingga tiga hari perniagaan tanpa pilihan untuk memanjangkan jangka masa kontrak.

- Peniaga mata wang asing yang diberi kuasa adalah dibenarkan untuk mengikat kontrak hadapan mata wang asing dengan pemastautin untuk membeli mata wang asing untuk mata wang ringgit bagi sebarang tujuan. Ini tertakluk kepada syarat kontrak tersebut mestilah berdasarkan komitmen yang sah untuk menerima mata wang tersebut dan tempoh kontrak tidak melebihi 12 bulan. Untuk jualan hadapan perolehan eksport, tarikh matang kontrak hadapan mestilah tidak melebihi enam bulan selepas tarikh eksport.

## (f) Pelaburan Portfolio

- Pelabur-pelabur portfolio bukan pemastautin adalah bebas menghantar pulang modal dan keuntungan pelaburan mereka pada bila-bila masa. (Sistem levi telah dimansuhkan pada 2 Mei 2001).

## III Kemudahan Kredit dalam Ringgit kepada Syarikat yang Dikuasai oleh Bukan Pemastautin

- Pemastautin dibenarkan memberi kemudahan kredit dalam mata wang ringgit kepada Syarikat yang Dikuasai oleh Bukan Pemastautin (NRCC) yang beroperasi di Malaysia sehingga had agregat RM50 juta bagi setiap kumpulan syarikat atau entiti berasingan dan sebarang jumlah kemudahan kredit pembiayaan perdagangan jangka pendek yang tidak melebihi 12 bulan. NRCC perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal bagi pinjaman tempatan yang jumlah agregatnya melebihi RM50 juta. Walau bagaimanapun, NRCC perlu mematuhi nisbah 3:1 di antara pinjaman

dalam negara dan dana modal kelayakan syarikat berkenaan hanya untuk amaun yang melebihi RM50 juta sahaja.

- Untuk pengiraan nisbah 3:1, NRCC juga diberi pilihan untuk mengira hutang tempatan dan dana modal kelayakan syarikatnya sama ada berdasarkan setiap kumpulan syarikat atau pun berdasarkan entiti berasingan.

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas jumlah kemudahan kredit yang diberi oleh institusi-institusi perbankan pemilikan asing di Malaysia kepada NRCC tertakluk pada syarat jumlah agregat kemudahan kredit tempatan yang diperoleh oleh NRCC tersebut daripada semua pemastautin tidak melebihi RM50 juta.

## IV Terbitan Sekuriti Hutang Swasta dalam Ringgit

- Pemastautin dibenarkan secara amnya untuk memperoleh kemudahan kredit tempatan melalui terbitan Sekuriti Hutang Swasta dalam mata wang ringgit tanpa mengira jumlah, tertakluk kepada perolehan tersebut tidak digunakan untuk membiayai pelaburan luar negara dan/atau membiayai semula pinjaman luar negara. Terbitan Sekuriti Hutang Swasta mestilah mematuhi Garis Panduan Kawalan Pertukaran Asing bagi Sekuriti Hutang Swasta. Jumlah yang diterbitkan oleh NRCC akan dikira sebagai sebahagian daripada jumlah keseluruhan kemudahan kredit tempatan NRCC tersebut dan harus mematuhi nisbah 3:1.

## V Akaun Mata Wang Asing Pemastautin

- Pengeksport pemastautin dibenarkan membuka akaun mata wang asing dengan Bank-bank yang Dilantik di Malaysia untuk menyimpan perolehan eksport dalam mata wang asing antara AS$1 juta dan AS$50 juta, bergantung kepada perolehan eksport mereka.

- Selain itu, setelah mencapai had semalaman maksima akaun mata wang asing eksport yang dibenarkan, pengeksport pemastautin juga dibenarkan untuk menyimpan 10% daripada setiap perolehan yang dibawa balik ke Malaysia di dalam akaun mata wang asing eksport, tertakluk kepada had agregat semalaman tidak melebihi had semalaman pada peringkat yang seterusnya. Bagi pengeksport pemastautin yang layak untuk menyimpan dengan had semalaman sehingga AS$50 juta, amaun tambahan maksima yang dibenarkan adalah sehingga AS$20 juta. Baki 90% mestilah dijual kepada peniaga mata wang asing yang diberi kuasa untuk ditukarkan kepada ringgit.

- Berkuat kuasa 1 April 2003, jumlah agregat had semalaman yang dibenarkan adalah seperti berikut –

| Jumlah Had Semalaman (AS$ juta) | Had termasuk pengumpulan 10% (AS$ juta) | Purata Bulanan Penerimaan Perolehan Eksport |
|---|---|---|
| 50 | 70 | Melebihi RM100 juta |
| 30 | 50 | Melebihi RM50 juta sehingga RM100 juta |
| 10 | 30 | Melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta |
| 5 | 10 | Melebihi RM10 juta sehingga RM20 juta |
| 3 | 5 | Melebihi RM5 juta sehingga RM10 juta |
| 1 | 3 | Tidak melebihi RM5 juta atau pengeksport-pengeksport baru |

- Syarikat pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit tempatan dibenarkan membuka akaun mata wang asing bagi menyimpan penerimaan mata wang asing, selain daripada perolehan eksport, sehingga had agregat semalaman sebanyak –

  (i) AS$0.5 juta dengan Bank-bank yang Dilantik di Malaysia; dan
  (ii) AS$0.5 juta dengan Bank-bank Luar Pesisir Berlesen di Labuan.

- Syarikat pemastautin yang tidak mempunyai kemudahan kredit tempatan dibenarkan membuka akaun mata wang asing dengan Bank-bank yang Dilantik di Malaysia bagi menyimpan penerimaan dalam mata wang asing, selain daripada perolehan eksport, tanpa sebarang had semalaman yang dinyatakan oleh Bank Negara Malaysia.

- Pemastautin individu juga dibenarkan membuka akaun mata wang asing semata-mata bagi tujuan membiayai pendidikan dan pekerjaan di luar negara. Had agregat semalaman adalah –

(i) AS$100,000 dengan Bank-bank yang Dilantik di Malaysia;
(ii) AS$100,000 dengan Bank-bank Luar Pesisir Berlesen di Labuan; dan
(iii) AS$50,000 dengan bank-bank luar negara.

## VI Akaun Mata Wang Asing Bukan Pemastautin

- Bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar dibenarkan untuk membuka akaun mata wang asing untuk bukan pemastautin.

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas kemasukan dan pengeluaran dana melalui akaun mata wang asing milik bukan pemastautin.

## VII Akaun Luaran Bukan Pemastautin

- Institusi-institusi kewangan dibenarkan membuka akaun dalam mata wang ringgit yang dikenali sebagai Akaun Luaran untuk bukan pemastautin.

- Bukan pemastautin dibenarkan mengguna dana ringgit di dalam Akaun Luaran untuk tujuan berikut –

  - Membeli mata wang asing kecuali mata wang Israel, Serbia dan Montenegro;

  - Membeli aset ringgit;

  - Bayaran untuk pembelian barang-barang dan perkhidmatan yang digunakan di Malaysia untuk kegunaan sendiri;

  - Bayaran untuk perbelanjaan pentadbiran dan berkanun di Malaysia;

  - Bayaran untuk jaminan bukan kewangan (di mana pemegang Akaun Luaran membuat bayaran ke atas jaminan bukan kewangan yang dipanggil);

  - Pemberian pinjaman atau pendahuluan dalam mata wang ringgit kepada pekerja di Malaysia, mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;

  - Bayaran balik kemudahan kredit dalam mata wang ringgit yang telah diberikan mengikut syarat-syarat Notis ECM, ECM 6 (Kemudahan Kredit kepada Bukan Pemastautin) atau mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;

  - Pengeluaran tunai ringgit tanpa had; dan

  - Bayaran kepada penerima pemastautin bagi sebarang tujuan kecuali yang berikut –

    ▶ Bayaran untuk import barangan dan perkhidmatan;

    ▶ Pemberian kemudahan kredit dalam mata wang ringgit kepada pemastautin selain daripada kemudahan kredit yang dibenarkan oleh Pengawal;

    ▶ Bayaran penyelesaian jaminan kewangan; dan

    ▶ Bayaran bagi pihak ketiga.

- Sumber dana bagi Akaun Luaran tersebut boleh diperoleh daripada –

  - Penjualan mata wang asing kecuali mata wang Israel, Serbia dan Montenegro;

  - Penjualan aset ringgit;

  - Semua pendapatan dari Malaysia termasuk gaji, upah, royalti, komisen, yuran, sewa, faedah, keuntungan atau dividen;

  - Dana dari kemudahan kredit yang dibenarkan di bawah Notis ECM, ECM 6 (Kemudahan Kredit kepada Bukan Pemastautin) atau yang diperoleh mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;

- Dana daripada pembayaran balik kemudahan kredit dalam mata wang ringgit yang dibenarkan di bawah Notis ECM, ECM 6 (Kemudahan Kredit kepada Bukan Pemastautin) atau kemudahan kredit dalam mata wang ringgit yang diperoleh mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;

- Pemindahan dana daripada –

  ► Akaun Luaran lain kepunyaan pemegang akaun yang sama tanpa had; dan/atau

  ► Akaun Luaran lain dan/atau Akaun Pemastautin pemegang akaun yang berlainan melalui –

    o Pemindahan Mesin Teler Automatik (ATM) sehingga jumlah RM5,000 bagi setiap individu/syarikat, setiap hari dan bagi setiap bank untuk sebarang tujuan; dan/atau

    o Pemindahan bank melalui internet sehingga jumlah RM5,000 bagi setiap individu/syarikat, setiap hari dan bagi setiap bank untuk sebarang tujuan.

- Deposit tunai ringgit yang tidak melebihi jumlah agregat RM10,000 sehari; dan

- Deposit cek di mana nilai setiap cek tidak melebihi RM5,000 untuk sebarang tujuan.

• Dana ringgit dalam Akaun Luaran boleh ditukar kepada mata wang asing dan dihantar balik atau digunakan di Malaysia untuk apa-apa tujuan.

• Tidak ada sekatan dikenakan ke atas operasi Akaun Luaran bukan pemastautin yang bekerja atau belajar di Malaysia (termasuk pasangan, anak dan/atau ibu bapa yang tinggal di Malaysia), bank-bank pusat, kedutaan, konsulat, suruhanjaya tinggi dan organisasi-organisasi supranasional atau antarabangsa yang diakui oleh Kerajaan Malaysia. Individu atau organisasi yang tersebut di atas boleh menggunakan Akaun Luaran untuk sebarang tujuan termasuk tujuan yang dibenarkan seperti di atas.

## VIII Taraf Istimewa Yang Diberikan kepada Syarikat-Syarikat Terpilih

### (a) Entiti-entiti Luar Pesisir di Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir Labuan

• Entiti-entiti yang ditubuhkan di Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir Labuan (Labuan IOFC) diisytiharkan sebagai bukan pemastautin bagi tujuan kawalan pertukaran asing, setelah mereka diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.

• Entiti-entiti luar pesisir adalah bebas untuk menjalankan transaksi dalam mata wang asing selain daripada mata wang Israel, Serbia dan Montenegro dengan bukan pemastautin.

• Bank-bank Luar Pesisir Berlesen di Labuan dibenarkan menerima daripada pemastautin pembayaran dalam mata wang ringgit yang merupakan hasil daripada yuran, komisen, dividen atau faedah daripada dana deposit.

• Bank-bank Luar Pesisir Berlesen di Labuan dibenarkan melabur dalam aset/instrumen ringgit di Malaysia untuk akaun mereka sendiri, tertakluk kepada syarat di mana pelaburan tersebut mestilah dilakukan secara langsung dengan institusi-institusi perbankan atau broker dalam negara. Pelaburan tersebut tidak boleh dibiayai dengan pinjaman ringgit.

• Entiti-entiti Insurans Luar Pesisir di Labuan dibenar untuk menyelenggarakan Akaun Luaran dengan bank-bank pemastautin di Malaysia. Mereka boleh menggunakan Akaun Luaran mereka untuk pembayaran perbelanjaan pentadbiran dan berkanun di Malaysia, termasuk penerimaan premium insurans dan pembayaran tuntutan-tuntutan dari perniagaan insurans dan penginsurans semula perniagaan insurans tempatan.

• Semua entiti luar pesisir adalah bebas untuk menyelenggarakan Akaun Luaran dengan bank-bank pemastautin bagi memudahkan pembayaran perbelanjaan pentadbiran dan berkanun di Malaysia.

### (b) Syarikat Koridor Raya Multimedia

• Syarikat-syarikat yang beroperasi di Koridor Raya Multimedia (MSC) dan diperbadankan sebagai entiti sah secara berasingan, dikecualikan daripada peraturan kawalan pertukaran asing apabila mereka

diberi taraf MSC oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia. Pengecualian ini hanya untuk transaksi yang dilakukan bagi urusan syarikat MSC itu sendiri. Walau bagaimanapun, kebenaran terlebih dahulu perlu diperoleh sebelum syarikat ini berurusan dengan Orang Tertentu dan Mata Wang Terhad negara Israel, Serbia dan Montenegro. Di samping itu, syarikat MSC juga dikehendaki mengemukakan borang/ laporan/penyata statistik bagi tujuan pemantauan.

## (c) Ibu Pejabat Operasi yang Diluluskan

- Ibu Pejabat Operasi yang diluluskan (OHQ) dibenarkan –

  (i) Membuka akaun mata wang asing dengan Bank-bank yang Dilantik di Malaysia bagi menyimpan perolehan eksport sehingga jumlah agregat had semalaman AS$70 juta, tanpa mengambil kira jumlah perolehan eksport mereka.

  (ii) Membuka akaun mata wang asing dengan Bank-bank yang Dilantik di Malaysia, Bank-bank Luar Pesisir Berlesen di Labuan atau bank-bank luar negara untuk tujuan menyimpan penerimaan dalam mata wang asing, selain daripada perolehan eksport, tanpa sebarang had ke atas baki semalaman.

  (iii) Memperoleh kemudahan kredit dalam mata wang ringgit tidak melebihi RM50 juta, tertakluk kepada syarat bahawa dana ringgit tersebut digunakan di Malaysia.

  (iv) Memperoleh sebarang jumlah kemudahan kredit dalam mata wang asing daripada bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar di Malaysia, dan daripada mana-mana bukan pemastautin dengan syarat OHQ tidak meminjamkan kepada pemastautin atau memperoleh dana itu bagi pihak pemastautin. Kemudahan kredit ini boleh dipinjamkan kepada syarikat yang berkaitan dengan mereka di luar negara atau dilaburkan di luar negara sekiranya jumlah agregat kemudahan kredit tempatan OHQ dalam mata wang ringgit tidak melebihi RM50 juta.

## (d) Pusat-Pusat Perolehan Antarabangsa yang Diluluskan

- Pusat-pusat Perolehan Antarabangsa yang diluluskan (IPC) dibenarkan –

  (i) Menyimpan sebarang jumlah perolehan eksport dalam akaun mata wang asing yang diselenggarakan dengan Bank-bank yang Dilantik dalam negara bagi aktiviti-aktiviti IPC yang telah diluluskan.

  (ii) Mengikat kontrak tukaran hadapan dengan peniaga mata wang asing yang diberi kuasa untuk tujuan melindungi risiko pertukaran asing, berdasarkan jangkaan jumlah perdagangan mereka.